

DATE: 14/03/2000

# Kenapa 'Islam' tidak boleh jadi nama parti

**S**AYA tertarik dengan rencana pendek dalam *Mingguan Malaysia* (bertarikh 5 Mac 2000) yang mencadangkan supaya perkataan Islam tidak dibenarkan digunakan dalam nama parti politik. Tetapi saya tidak bersetuju larangan ini dibuat kerana Pas mendapat keuntungan politik daripada penggunaan perkataan Islam dalam namanya.

Sebabnya larangan ini patut dibuat oleh kerajaan ialah kerana ramai orang Islam di Malaysia sudah keliru dan tidak dapat membezakan lagi di antara parti politik dengan agama Islam.

Demikianlah pemimpin Pas mendakwa bahawa Islam adalah Pas dan Pas adalah Islam. Dakwaan ini amat bertentangan dengan ajaran Islam, kerana Islam adalah agama seperti yang dijelaskan:

"Innaddi na indahllah hil Islam" ( Surah Ali Imran, ayat 19)

Yang bermaksud: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.*

Tidak ada di mana-mana dalam al-Quran atau hadis yang berkata, agama di sisi Allah adalah Parti Islam Se-Malaysia atau agama di sisi Allah adalah Islam dan Pas". Mempercayai bahawa Pas adalah Islam adalah salah dan menghinakan agama Tuhan yang menjadikan Islam sebagai agama yang diiktiraf oleh-Nya bagi umat manusia.

## Pendapat

Pas dicipta oleh manusia biasa kerana kepentingan politik. Menyamakan Pas dengan Islam bermakna menyamakan pemimpin dan pencipta Pas dengan Tuhan. Dan ini jelas dilarang oleh Islam daripada ayat yang menegah menyekutukan Tuhan dengan apa saja yang lain.

Lihat Surah Ali Imran, ayat 64, yang bermaksud, *Iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian daripada kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain daripada Allah.*

Banyaklah lagi dakwaan dan tafsiran agama Islam yang dibuat oleh Pas yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Dan ramailah lagi orang Islam yang keliru dan iman serta akidah mereka terpesong daripada apa yang sebenarnya menjadi ajaran dan rukun-rukun Islam.

Di beberapa negara Islam penggunaan perkataan Islam oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan politik selalunya menyebabkan rusuhan dan pembunuhan orang Islam lain berlaku. Demikian di Algeria umpamanya kumpulan yang kononnya berju-

ang kerana Islam telah membunuh dengan kejamnya orang-orang Islam yang tidak membuat apa-apa kepada kumpulan ini.

Apabila mereka menggunakan nama Islam mereka menjadi keterlaluan dan tidak rasional lagi. Dan sasaran serangan mereka selalunya orang Islam lain yang mereka dakwa dengan mudah sebagai tidak Islam atau kurang Islam.

Sepatutnya kumpulan yang berjuang atas nama Islam bermusuh dengan orang yang bukan Islam yang jelas bermusuh dengan orang Islam.

## Menindas

Tetapi walaupun terdapat ramai bukan Islam yang terang-terang bermusuh dengan orang Islam, menindas bahkan membunuh mereka seperti yang berlaku di Bosnia, Kosovo, Chechnya, mereka yang mendakwa mereka memperjuangkan Islam dan memanggil nama mereka dengan nama Islam tidak pernah bermusuh dan menentang musuh Islam yang sebenar ini.

Jika orang Islam dan agama Islam hendak diselamatkan maka kumpulan yang menggunakan Islam sebagai sebahagian daripada nama mereka dan menumpukan permusuhan mereka terhadap orang Islam lain, kerana kononnya orang Islam lain ini tidak cukup Islam atau diragu-

kan keislaman mereka, kumpulan ini hendaklah dilarang daripada menggunakan Islam sebagai sebahagian daripada namanya. Dalam masa yang sama jika mereka menyerang orang Islam lain dan membuat fatwa bersendirian yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam, maka tindakan undang-undang hendaklah diambil untuk mencegah kewujudan dan kegiatan mereka.

Kerajaan Malaysia tidak boleh mengabaikan tanggungjawab untuk melindungi orang Islam di Malaysia daripada sebarang kegiatan yang boleh merosakkan iman dan akidah orang Islam. Agama Islam adalah agama rasmi Malaysia dan agama rasmi menjadi tanggungjawab rasmi kerajaan. Sehingga kini kerajaan hanya membina masjid dan menyediakan kemudahan untuk keperluan orang Islam beribadah.

Tetapi kerajaan tidak mengambil tahu apakah kemudahan-kemudahan ini digunakan untuk kebaikan Islam dan orang Islam. Jika kerajaan sedar sekalipun kerajaan tidak menunaikan tanggungjawabnya.

Tindakan yang perlu diambil oleh kerajaan bukanlah kerana Pas mendapat keuntungan daripada menggunakan perkataan Islam dalam nama partinya, tetapi kerana perbuat-

an ini mengelirukan orang Islam di Malaysia sehingga mereka tidak dapat membezakan antara parti politik dan agama, dan mereka bermusuh dengan orang Islam lain kerana kepercayaan mereka yang salah di sisi agama Islam.

Sebagai seorang Islam yang telah melihat perkembangan yang tidak sihat ini, saya ingin menggesa supaya kerajaan melarang penggunaan perkataan Islam dalam nama parti politik dan melarang juga penggunaan agama Islam dalam mencari sokongan politik, terutama dengan sengaja menyalahtafsirkan ajaran agama Islam.

Demikian juga di negara berbilang agama ini yang mana agama adalah perkara yang lebih sensitif daripada perkauman, parti-parti politik tidak harus dibenarkan menggunakan apa-apa agama pun dalam nama parti.

Kita tidak ada parti politik orang bukan Islam yang menggunakan nama agama dan isu-isu agama untuk tujuan menarik sokongan. Walaupun demikian penggunaan nama agama lain dan isu agama hendaklah dilarang seperti juga penggunaan nama Islam untuk parti dan isu-isu agama patut dilarang.

— HAJI SUFI KAMAL, Hulu Klang.